



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	15/10/2019	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

RM9 juta untuk musim tengkujuh

KOTA BHARU - Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM9 juta melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi persediaan berdepan musim tengkujuh tahun ini di Kelantan.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita negeri, Muntaz Md Nawi berkata, ia melibatkan peruntukan bagi persiapan awal mengurangkan risiko banjir.

"Antaranya ialah dengan menyelenggara sungai, alur dan saluran seperti mencuci, membaik pulih tebing yang runtuh selain membaik pulih jambatan, pemetung dan kuala-kuala di setiap jajahan.

"Turut dilaksanakan juga Program Sistem Amaran Awal Banjir (PRAB) dengan membangunkan sistem yang berupaya meramal keadaan banjir.

"Ia membantu meningkatkan sistem hebahan monsun iaitu dua hari lebih awal kepada agensi dan penting untuk rakyat yang terlibat dengan banjir," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kompleks Kota Darul Naim semalam.

Beliau berkata demikian selepas menjawab soalan lisan Mohd Nazlan Mohamed (**Pas-Limbongan**) mengenai persiapan yang telah dan akan diambil kerajaan negeri dalam menghadapi musim tengkujuh dan banjir di negeri itu.

Menurut Muntaz, melalui PRAB Fasa 1, sebanyak 26 pemantauan iaitu Stesen Telemetri dan Stesen Hujan dibina di sepanjang Sungai Kelantan dan Sungai Golok manakala 53 stesen pemantauan sedia ada telah dinaik taraf dengan kos keseluruhan Fasa 1 ialah RM29 juta dan dijangka siap akhir pada Oktober tahun ini.

Beliau berkata, JPS juga akan melaksanakan Fasa 2 melibatkan 19 stesen pemantau di lembangan Sungai Semerak Pasir Puteh bermula tahun depan.

"Untuk persiapan lain, kerajaan akan memastikan semua masjid seluruh negeri mengadakan solat hajat dan persiapan lain dibuat Jabatan Kebajikan Masyarakat yang khusus untuk memastikan bantuan banjir diserahkan kepada mangsa banjir.

"Antara persediaan ialah melantik 5,454 orang sukarelawan sebagai penyelia dan ahli jawatankuasa di semua pusat pemindahan banjir di seluruh Kelantan," katanya.